

'Aktiviti penduduk menyeberang sempadan perkara normal'

Oleh ROZAMAN ISMAIL
dan HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 18 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, aktiviti menyeberang' sempadan di kalangan penduduk negara ini dan Thailand tidak boleh dilihat sebagai campur tangan Malaysia terhadap apa yang berlaku di negara itu,

Perdana Menteri berkata, aktiviti menyeberang sempadan adalah normal kerana penduduk yang menetap di kawasan itu sering menyeberang sempadan setiap masa untuk melawat rakan atau saudara-mara.

"Bukan niat untuk mencipta masalah di selatan Thailand, sudah semestinya tidak, tetapi menyeberang sempadan adalah perkara normal.

"Ia (menyeberang sempadan) tidak boleh ditafsirkan dalam apa cara pun bahawa kita mempunyai hasrat untuk campur tangan terhadap apa yang berlaku di sebelah Thailand," kata Abdullah pada sidang akhbar yang diadakan bersama dengan rakan sejawatannya dari Thailand, Surayud Chulanont di sini hari ini.

Ini merupakan lawatan pertama Surayud ke Malaysia selepas dilantik sebagai Perdana Menteri pada 1 Oktober lalu ekoran rampasan kuasa tanpa pertumpahan darah pada 19 September lalu yang menumbangkan kerajaan pimpinan Thaksin Shinawatra.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia bersedia membantu Thailand menyelesaikan masalah yang melanda selatan negara itu supaya penduduk di sana dapat hidup dalam keamanan.

Beliau berkata, memandangkan kebanyakan penduduk di sana ialah orang Islam, keamanan itu akan mem-

bolehkan mereka meneruskan kehidupan seperti biasa dengan warga Thailand lain biarpun berbeza agama sama ada Buddha atau Kristian.

Kerjasama itu, kata Perdana Menteri, adalah jaminan yang diberikan kepada Thailand dan beliau juga mengalu-alukan jaminan oleh Surayud bahawa mereka yang ingin pulang ke Thailand boleh kembali ke negara itu dengan aman.

"Bagi sesiapa yang ingin tinggal (di negara ini) boleh menetap di sini untuk sementara," katanya.

Sementara itu, Surayud memberitahu, beliau akan mendapatkan nasihat daripada Abdullah dan cuba berhubung secara peribadi untuk mendapatkan pandangannya mengenai langkah untuk menyelesaikan masalah di selatan Thailand.

Katanya, beliau akan bercakap dengan Abdullah dan pemimpin-pemimpin masyarakat Islam di selatan negara berkenaan mengenai masalah di sana.

"Ini adalah lawatan pertama kali saya ke negara ini sebagai Perdana Menteri namun Malaysia bukan asing kepada saya.

"Hubungan antara kedua-dua negara akan diperkukuhkan," katanya.

Di Putrajaya hari ini, Surayud juga mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Selepas pertemuan itu, Najib berkata, Malaysia bersedia memainkan peranan positif jika diperlukan oleh kerajaan baru Thailand bagi membantu menyelesaikan konflik di selatan negara itu.

"Kita memaklumkan kepada Thailand kita bersedia memainkan peranan positif dan membantu mereka tetapi terserah kepada kerajaan baru negara itu tentang apa bentuk bantuan yang mereka perlukan," katanya.